MAHATHIR-MOTOR

1979

KUALA LUMPUR, 6 SEPT. (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR.MAHWTHIR BERKATA MALAM INI, PERATUS KESEMUA PENIAGA BUMIPUTRA DALAM PERUSAHAAN KERETA BERMOTOR MASIH LAGI BELUM MEMUASKAN

KATANYA,BELIAU MASIH BELUM PUASHATI TERHADAPNYA SEKIRANYA DIBANDINGKAN DENGAN JUMLAH KESELURUHAN PENIAGA KENDERAAN BERMOTOR DI NEGARA INI.

TAMBAHAN NYA OIHAK BERKENAAN HENDAKLAH BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENAMBAHKANKAN LAGI PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERUSAHAAN INI.

BELIAU BERKATA,KEMENTERIANNYA AKAN TERUS MENILITI MENGENAI PERLANTIKAN LEBIH RAMAI BUMIPUTERA DALAM PERUSAHAN INI BAGI MENJAMIN PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG LEBIH BESAR.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MALAM PERSATUAN PEMASANG KERETA BERMOTOR MALAYSIA DI SINI.

BELIAU JUGA MENEKANKAN BAHAWA PENGAMBILAN KAKITANGAND DI PERINGKAT PENGURUSANDARI ORANG-ORANG BUMIPUTERA DAN JUGA DI PERINGKAT EKSEKUTIF DALAM SYARIKAT-SYARIKAT PEMASANGAN KERETA DAN PERDAGANGAN MOTOR HENDAKLAH DIPERBAIKI LAGI.

BELIAU BERKATA,BELIAU TELAH MENDAPAT TAHU BAHAWA SETENGAH SYARIKAT SENGAJA MELAMBAT-LAMBATKAN TENTANG PENGAMBILAN DANMELATIH BUMIPUTERA DI KEDUA-DUA PERINGKAT TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 2335/IB

MAHATHIR-MOTOR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA JAWATANKUASA MENTERI-MENTERI EKONOMIASEAN MENGENAI PERINDUSTERIAN,LOGAM DAN TENAGA (COIME) TELAH MENETAPKAN KUMPULAN PAKARNYA BERMESYUARAT DI JAKARTA TAHUN INI UNTUK MENGKAJI CADANGAN BAGI MENJALANKAN PROJEK-PROJEKLAMPU DEPAN KERETA DAN KARBURETOR UNTUK RANTAU INI.

KATANYA,BELIAU TELAH DIBERITAHU BAHAWA MUNGKIN PROJEK LAMPU DEPAN KERETA ITU AKAN DKTEMPATKAN DI NEGARA INI.

BELIAU MENGGESA PERSEKUTUAN KERETA MALAYSIA (AFM) MENGKAJI CADANGAN ITU DENGAN MENDALAM DENGAN TUJUAN SUPAYA PROJEK ITU DAPAT DITEMPATKAN DI NEGARA INI. -- BERNAMA 2340/IB